



KENYATAAN MEDIA

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

LAMAN SESAWANG PALSU PERKHIDMATAN PESAKIT BAYAR PENUH (FPP)

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin menegaskan bahawa KKM tidak pernah memberi kebenaran kepada mana-mana pihak untuk menerbitkan laman sesawang bagi menyediakan kemudahan membuat tempahan untuk Pesakit Bayar Penuh (FPP), termasuk menggunakan logo KKM.

KKM telah mengenalpasti akan kewujudan sebuah laman web palsu yang menggunakan nama Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh di laman sesawang myfpp.com.my.

Pihak KKM tidak pernah mengarahkan syarikat yang mengendalikan laman sesawang tersebut mengenakan caj bayaran RM10.60 untuk membuat tempahan temujanji untuk Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh. Sekiranya orang awam menerima sebarang brosur atau *whatsapp* mengenai perkhidmatan ini, anda dinasihatkan untuk membuat laporan di Balai Polis dengan segera. Di samping itu, KKM tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan sewajarnya dalam perkara ini.

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa komited untuk terus menyediakan dan memberikan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti kepada rakyat. Orang awam dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat mengenai perkhidmatan kesihatan di laman sesawang rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia di www.moh.gov.my atau menghubungi terus Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia di talian 03-8000 8000.

YBHG. DATO' SRI DR. CHEN CHAW MIN
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
23 MEI 2018